

Britain gesa PBB cari bukti jenayah

➔ Kumpul bahan kekejaman tentera Myanmar serah ke ICC

Britain menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membantu mencari bukti jenayah dilakukan oleh tentera Myanmar ke atas etnik Rohingya.

"Apa yang boleh kita lakukan ialah memikirkan cara terbaik supaya Majlis Keselamatan boleh membantu usaha mengumpul bukti (kekejaman) sebelum ia diserahkan kepada pihak berkuasa Myanmar atau mekanisme lain di peringkat antarabangsa," kata Duta Britain ke PBB, Karen Pierce kepada wartawan dan memaklumkan bahawa siasatan itu memerlukan bukti yang kukuh.

Beliau menambah: "Secara dasarnya ada dua cara bagaimana bukti ini boleh dikumpul, iaitu dengan rujukan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) atau Kerajaan Myanmar sendiri melaksanakannya."

Wakil Myanmar ke PBB, setakat ini masih belum memberi sebarang komen berhubung kenyataan Pierce. Sebelum ini, pemimpin kanan

Myanmar, Aung San Suu Kyi berjanji untuk menyiasat tuduhan itu jika terdapat bukti kukuh berhubung kejadian itu.

Malah, ketua tentera, Min Aung Hlaing memberi jaminan tindakan tegas akan dilaksanakan berhubung dakwaan keganasan seksual dalam pertemuan dengan wakil PBB di Naypyitaw, semalam.

Kawalan terhad

Namun, kerajaan awam pimpinan Suu Kyi hanya mempunyai kawalan terhad ke atas tentera Myanmar.

Wakil Majlis Keselamatan yang melawat Rakhine juga diberikan taklimat mengenai pembinaan perkampungan baharu untuk pelarian Rohingya apabila mereka berpindah dari kem sementara di Bangladesh.

Difahamkan sasaran pihak berkuasa adalah untuk menerima sejumlah 150 orang setiap hari serta kem transit yang boleh memuatkan 30,000 orang.

Wakil berkenaan turut melihat dua kawasan kampung yang dimusnahkan berdekatan kem berkenaan. Sementara itu, kerajaan Amerika Syarikat masih melancarkan

penyiasatan berhubung dakwaan penindasan ke atas Rohingya yang boleh digunakan untuk menghukum pegawai tentera Myanmar.

Jika didapati benar, mereka ini boleh dihukum atas jenayah kemanusiaan yang serius.

Perhimpunan Agung PBB diporkan berupaya membentuk siasatan antarabangsa dalam kes penjenayah ini yang dilakukan ke atas Rohingya, satu senario sama dengan apa yang sudah PBB buat di Syria.

REUTERS

#tangisanRohingya

